

MENCETAK SEJARAH

TARGET VIP

AGAR TERPILIH
PERLU MEMILIH

DOA

DOA MOHON BANTUAN

رَبِّ أَدخِلْنِي مُدخَلَ صِدْقٍ
وَأَخْرِجْنِي مَخْرَجَ صِدْقٍ
وَاجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ
سُلْطٰنًا نٰصِرًا

MAKSUDNYA:

"Wahai Tuhanku, masukkanlah aku ke dalam urusan agamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah aku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia, dan berikanlah kepadaku dari sisi-Mu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku." (Surah al-Isra' 17: 80)

Sejarah mungkin berulang? Ya, mungkin. Jika tidak mampu untuk mencetak sejarah baharu. Namun pilihlah untuk mengulang sejarah yang baik-baik sahaja. Oleh itu, semoga kita mampu untuk membina sejarah baharu, atau setidak-tidaknya mencetak sejarah yang baik.

Hakikatnya, kita memang patut meniru akhlak-akhlak pencipta sejarah yang baik. Misalnya *Mencontohi Contoh*, rujuk kupasan VIP dalam isu 43 untuk mengimbas kembali antara 10 orang pencipta sejarah yang punya kisah kebaikan tersendiri.

PENTINGKAN APA YANG PENTING

Sudah tiba masanya kita untuk melihat diri dan pilihan yang dipilih setiap hari. Bagaimana mahu memastikan dan melihat hanya perkara yang penting sahaja? Jawabnya mudah, iaitu dengan

mengambil berat apa yang diperkata al-Quran. Namun awas, melaksanakannya belum tentu mudah.

Bukankah pentas dunia menjadi sejarah bagi setiap jiwa manusia? Dan ketahuilah, baiknya Allah kerana membekalkan panduan kepada kita untuk mengemudi sejarah di pentas dunia ini dengan cara-Nya. Al-Quran menterjemah setiap sekatan dan galakan untuk kita mencipta sejarah yang baik-baik sahaja. Nah, jika mahu menjadi VIP, perlu serius dengan kata-kata Tuhan.

Terlalu banyak apa yang dilarang dan disuruh dalam al-Quran. Ini antaranya. Mari senaraikan yang lain dan kaitkan sebagai pemula sejarah baharu kita.



Wan Nor Zaidah

B.A. Bahasa Arab & Komunikasi,
Universiti Sains Islam Malaysia

Suruhan	Larangan	Aspek
"Kamu tidak akan memperoleh kebajikan sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai." [Surah al-Imran 3: 92]	"...janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya." [Surah al-Nur 24: 27]	Pembinaan akhlak dan jati diri
"...dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Adakah kamu tidak suka bahawa Allah mengampunimu?" [Surah al-Nur 24: 22]	"Janganlah kamu mencampur adukkan kebenaran dengan kebatilan, dan janganlah sembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahuinya." [Surah al-Baqarah 2: 42]	
"Apabila solat telah dilaksanakan, maka bertebaranlah kamu di bumi. Carilah kurnia Allah..." [Surah al-Jumua 62: 10]	"...janganlah kamu merosakkan sedekahmu dengan menyebut-nyebut dan menyakiti perasaan penerima..." [Surah al-Baqarah 2: 264]	

Skop

Harta (rezeki)



Akhlak



Pergaulan



Ilmu



Kepimpinan



Prinsip

"Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan yang haram itu juga jelas..." (Riwayat al-Bukhari)

"Janganlah kamu banyak ketawa kerana ia mematkan hati kamu." (Riwayat Ibn Majah)

"Sesungguhnya manusia yang paling buruk kedudukannya di sisi Allah adalah orang yang ditinggalkan oleh manusia kerana khuatir dengan kejahatan dirinya." (Riwayat al-Bukhari & Muslim)

"Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap Muslim." (Riwayat Ibn Majah)

"Kamu semua ialah penjaga (pemimpin)." (Riwayat al-Bukhari)

PELAN MEMBINA SEJARAH

Ya, kitalah pembina sejarah sendiri setiap hari. Berpeganglah pada prinsip esok lebih baik daripada hari ini.

Dalam membina sejarah, memadailah dengan meninggalkan apa-apa yang tidak penting dalam kehidupan kita. Rasulullah bersabda: "Sebahagian daripada tanda baiknya (kualiti) keislaman seseorang ialah meninggalkan sesuatu yang tidak bermanfaat baginya." (Riwayat al-Tirmizi)

Modal sejarah kita itu masa. Jadi, setiap yang dilakukan perlu membawa kita ke arah kebaikan. Biar masa yang dilalui itu menguntungkan diri sekaligus memberi faedah untuk urusan dunia dan akhirat. Lihatlah diri kita bagaimana.

AGAR TERPILIH, PERLU MEMILIH

Subhanallah. Allah memilih kita untuk berada di tahap ini sekarang. Mana mungkin Allah sengaja atau tersilap memilih kita untuk meneruskan kehidupan bukan? Jadi, agar kita terus terpilih, kita perlu untuk memilih. Dan pilihan yang terbaik ialah dengan menyelusuri semula setiap yang ada dalam al-Quran.

Ingatlah, kita agen perubahan. Yang bukan sahaja mencorakkan diri sendiri sebaliknya pencorak keluarga, masyarakat dan generasi kita sendiri. Hidup kita tanggungjawab kita. ☑

facebook.com/WardahSafiah
zaidlah@telagabiru.com.my